

30 JUN 1999

KONSORTIUM PERKAPALAN-AGM

KONSORTIUM PERKAPALAN BERHASRAT MENJADI PENERAJU INDUSTRI

PETALING JAYA, 30 Jun (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) bersedia untuk menjadi pembekal perkhidmatan logistik bersepadu yang terkemuka di Malaysia menjelang tahun 2001, kata pengerusi eksekutif kumpulan Mirzan Mahathir.

Kata beliau kumpulan ini kini sedang mengambil kesempatan daripada kelembapan ekonomi untuk merancang dan melaksanakan program-program yang perlu agar ia dapat keluar dari kemelesetan ini sebagai entiti yang berbeza dan lebih kuat daripada sebelumnya.

"Kami perlu mengubah keadaan kami. Tiada gunanya berbuat perkara-perkara yang serupa seperti apa yang kami lakukan pada masa lalu...kami akan menghidupkan perniagaan kami, kami tidak mahu hanya dikenali sebagai sebuah syarikat pengangkutan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat itu di sini hari ini.

Menurut beliau, Konsortium Perkapalan lebih cenderung ke arah membekalkan perkhidmatan logistik sepenuhnya yang akan memberi tumpuan kepada "rakyat, sistem, pemproses dan prasarana."

Ini akan dilakukan oleh penyelaras-penyelaras logistiknya dengan memastikan bahawa keperluan logistik pelanggan dirancang dengan sempurna dalam rangkaian perkhidmatannya dengan cara yang paling cekap dan selesa.

"Menjelang tahun 2001, kami seharusnya dapat menyelesaikan proses perubahan ini," kata Mirzan sambil menambah bahawa pada ketika itu nanti syarikat itu akan berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk bersaing dengan syarikat-syarikat logistik yang lain di dunia.

Walaupun beliau enggan memberitahu jumlah pelaburan yang terlibat dalam proses perubahan ini, Mirzan berkata pelaburan ini bersandarkan peningkatan latihan kemahiran dan prasarana khususnya dalam prasarana maklumat kerana logistik banyak bergantung kepada aliran maklumat.

Ditanya sama ada sebarang pembelian baru akan terlibat dalam tempoh perubahan ini, beliau berkata: "Itu mungkin terjadi jika kami merasakan akan ada sesuatu yang perlu kami lakukan..."

Katanya syarikat itu juga telah mengembangkan perniagaannya ke kawasan-kawasan lain secara lebih meluas bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih lengkap kepada pelanggan-pelanggannya.

"Kami boleh berbuat demikian melalui perkongsian dengan orang lain atau mencari rakan kongsi untuk melabur di mana kita boleh menyediakan kepakaran atau membeli operasi yang ada," katanya.

Tentang prestasi kumpulan itu bagi tahun ini, Mirzan berkata keuntungan kendalian kumpulan itu diunjurkan jauh lebih baik daripada tahun sebelumnya, dengan pengangkutan kontena dan perkhidmatan depot sebagai penyumbang utama bagi kumpulan ini.

Kumpulan ini kini terbabit dalam perniagaan pengangkutan kontena dan depot kontena darat, penghantaran fret, pengedaran dan pergudangan, insurans dan perkapalan serta perkhidmatan sewaan khas.

-- BERNAMA

AA KY MA